

Great Eastern Takaful Berhad

Dana-dana Berkaitan Pelaburan



**Penyata Pengurus dan Maklumat
Kewangan Yang Telah Diaudit
31 Disember 2019**





KANDUNGAN

- 1 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 4 Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan
- 5 Objektif-objektif Dana
- 6 Ulasan dan Prospek Pelaburan
- 9 Prestasi Dana 2019
- 10 Parbandingan Prestasi Dana
- 16 Penyata oleh Pengurus
- 17 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 18 Laporan Juruaudit Bebas
- 22 Penyata-penyata Aset dan Liabiliti
- 23 Penyata-penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 24 Penyata-penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 25 Nota kepada Maklumat Kewangan

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**Pemegang Unit
yang Dihormati,**
Pasar pendapatan tetap
Malaysia menyaksikan aliran
masuk modal pada 2019,
disebabkan oleh kestabilan
Ringgit yang luar biasa, lebihan
akaun semasa dan disiplin
fiskal mengekalkan penyertaan
asing.

SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (samb)

Justeru itu, dana pendapatan tetap kami, Dana i-Makmur, mencatatkan prestasi yang cemerlang dengan penjanaan pulangan sebanyak +10.6% berbanding pulangan penanda arasnya (Deposit Mudharabah bertempoh 12 bulan) yang mencatat 2.9%. Sementara itu Dana i-Majmuk, sebuah dana seimbang, menghasilkan pulangan +6.8% di mana ia mengatasi penanda aras berwajaran (FBMS & deposit bertempoh 12 bulan) sebanyak 342 mata asas (basis point atau bps). Dana i-Mekar, sebuah dana ekuiti, menjana pulangan +5.9% mengatasi Indeks FBM Emas Shariah (FBMS) sebanyak 203 mata asas.

Prestasi positif dana adalah hasil daripada warga insan, proses dan penawaran bersepadan kami yang membentuk sinergi untuk menyampaikan kadar pertumbuhan terpantas semenjak penubuhan kami.

Pada tahun ini, kami memberi tumpuan kepada penyampaian penyelesaian tersuai dan inovatif kepada semua segmen pasaran, dan lebih penting lagi, untuk mendapatkan lebih ramai rakyat Malaysia ke landasan perlindungan yang mencukupi sehingga ke masa depan yang berterusan.

Antara pelaksanaan utama kami pada 2019 ialah siri Harapan yang memberi tumpuan kepada penyediaan perlindungan yang berpatutan kepada semua orang. Usaha kami di sini mendapat perhatian. Produk-produk di bawah siri Harapan yang berpatutan bukan sahaja diterima dengan baik malahan ia juga memperoleh pengiktirafan pemerhati industri di mana i-Gr8 Harapan dinamakan 'Produk Takaful Terbaik' oleh Anugerah Kewangan Antarabangsa 2019 dan juga memenangi anugerah 'Inisiatif Insurans Tahunan Terbaik' oleh Anugerah Insurans Asia 2019. Satu lagi penyediaan terbaik ialah pelancaran produk takaful universal pertama kami – Supreme-i, yang diedarkan oleh rakan kongsi kami yang dipercayai, OCBC Al Amin. Pada penghujung tahun ini, kami telah melancarkan i-Great Wawasan, pelan takaful keluarga berkaitan pelaburan yang menawarkan perlindungan tinggi serta manfaat pada tamat tempoh bagi memastikan kestabilan kewangan sepanjang tempoh persaraan pelanggan kami.

Tahun 2019 juga menandakan pelantikan kami sebagai Pengendali Takaful yang dipercayai bagi skim perlindungan kesihatan kebangsaan percuma, mySalam, yang memberi peluang kepada kami untuk merealisasikan konsep takaful sepenuhnya, iaitu untuk bersama-sama membantu antara satu sama lain dalam masa-masa kesulitan.

Kami juga berasa bangga untuk memaklumkan bahawa kami telah dianugerahkan gelaran 'Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik' oleh Anugerah Kewangan Antarabangsa 2019 untuk kerja-kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (*Corporate Social Responsibility* atau CSR) kami. Usaha ini disokong sebahagian besarnya oleh tenaga kerja kami yang berjalin dengan matlamat kami – Kami membantu insan untuk membantu antara satu sama lain pada masa-masa keperluan. Kerana Kita Boleh.

Di Great Eastern Takaful Berhad, mempertingkatkan perjalanan dan pengalaman pelanggan adalah penting kepada budaya kerja kami. Kami terus memanfaatkan insan dan keupayaan digital kami yang membolehkan pelanggan kami membuat keputusan pada hujung jari mereka. Memenuhi naratif ini adalah perkongsian strategik kami dengan Axiata Digital yang dengan berkesan mengupayakan kami untuk melancarkan penyediaan penyelesaian takaful digital bagi memenuhi permintaan dan jangkaan generasi semasa dan akan datang.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (samb)

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Go Green, kami melancarkan *i-Get In Touch*, sebuah portal dalam talian untuk membolehkan pelanggan kami, antara lain, mengakses dan mengemas kini butiran sijil dan memuat turun sijil dan pernyataan yang berkenaan.

Tahun ini, kami mempertingkatkan ciri-ciri portal ini supaya para pelanggan boleh membuat penamaan serta membeli pelan baharu untuk perlindungan tambahan. Satu lagi ciri penting ialah keupayaan untuk melakukan pertukaran dana bagi menyesuaikan keperluan dan gaya hidup pelanggan yang berkembang. *Mobile Point of Sales* atau MPOS adalah satu lagi penyelesaian dalam talian yang direka untuk menyokong pasukan agensi yang bermotivasi kami supaya mereka dapat memberi perkhidmatan kepada pasaran mereka dengan cara yang lebih berkesan dan cekap, tanpa memerlukan apa-apa proses mengisi dan penyerahan borang fizikal.

Mengambilkira situasi pandemik COVID-19 sekarang, masa depan kelihatan agak tidak menentu disebabkan oleh kebimbangan berlakunya kemelesetan ekonomi secara global. Tetapi saya percaya bahawa pada waktu kegetiran, kita berupaya mewujudkan peluang jika kita kekal komited untuk menghasilkan penyelesaian baharu untuk memenuhi keperluan masyarakat dan pasaran yang sentiasa berubah.

Dikuasakan oleh moto 2020 kami untuk *Bangkit Bersama-sama*, kami akan terus menyampaikan penyelesaian inovatif dan mempertingkatkan perkhidmatan kami kepada para pelanggan kami yang setia dan akan datang, bertekad untuk memperjuangkan kedudukan peneraju kami dalam sektor takaful.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih
Bagi pihak Great Eastern Takaful Berhad,

SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN

Ketua Pegawai Eksekutif

JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET LIABILITI

Ahli Jawatankuasa

Shahrul Azlan bin Shahrainan (*Pengerusi*)

Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful Berhad

Jasveen Kaur Marne

Ketua Pegawai Kewangan, Great Eastern Takaful Berhad

Mohd Khalid bin Khairullah

Aktuari Yang Dilantik, Great Eastern Takaful Berhad

Goh Pei Kuan

Naib Presiden, Pelaburan Ekuiti, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Leong Yu Ting

Penolong Naib Presiden, Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Nurul Sheila Khalib

Penolong Naib Presiden, Ketua Produk & Pemasaran, Great Eastern Takaful Berhad

Jawatankuasa Syariah

Ahli Jawatankuasa

Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz (*Pengerusi*)

Prof. Dato' Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof

Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria

Assoc. Prof. Dr. Siti Salwani binti Razali

Assoc. Prof. Dr. Suhaimi bin Ab Rahman

Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta

OBJEKTIF-OBJEKTIF DANA

Dana i-Makmur

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur didalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan didalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Mekar

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek, dan juga deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) bila dan jika perlu bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Majmuk

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

ULASAN DAN PROSPEK PELABURAN

Ulasan Pasaran Ekuiti 2019

Tahun 2019 merupakan tahun yang positif bagi ekuiti dengan Jumlah Pulangan Indeks MSCI Dunia (USD) mencatatkan keuntungan rekod sebanyak 28.4%. Amerika Syarikat merupakan pasaran utama merekodkan perkembangan prestasi ekonomi yang paling lama dalam sejarah. Walaupun ketegangan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat menunjukkan pelbagai titik tekanan ke atas pasaran sepanjang tahun, ekonomi Amerika Syarikat yang berdaya tahan dan dasar akomodatif Rizab Persekutuan mendorong pasaran ke tahap yang lebih tinggi. Pasaran Eropah pulih pada tahun 2019 walaupun terdapat tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang lembab serta Negara Jerman yang hampir mengalami kemelesetan ekonomi serta ketidaktentuan yang berkaitan Brexit di UK. Eropah sebahagian besarnya dirangsang oleh pemotongan kadar yang agresif oleh Bank Pusat Eropah dan pemulihan daripada prestasinya yang menghamparkan pada tahun 2018. Menuju ke Disember 2019, kami menyaksikan satu peristiwa penting di mana Amerika Syarikat dan China bersetuju kepada perjanjian perdagangan Fasa pertama untuk mengelak kenaikan tarif seterusnya dan pasaran global sejurusnya mencatatkan pemulihan pada penghujung tahun.

Di Asia, Jumlah Pulangan Indeks Morgan Stanley Capital International Asia Kecuali Jepun (Morgan Stanley Capital International Asia Ex Jepun atau "MSCI Asia Ex Japan") berkembang sebanyak 18.2%, mencatat prestasi yang kurang baik berbanding MSCI Dunia. China telah mencatatkan prestasi yang mengagumkan dengan Jumlah Pulangan Indeks MSCI China mencecah sebanyak 23.7% pada penghujung tahun meskipun pertumbuhannya perlakan tetapi disokong oleh langkah-langkah akomodatif termasuk pelonggaran kredit untuk projek infrastruktur, pengurangan keperluan rizab bagi bank, dan potongan cukai untuk perniagaan dan individu. Kami menyaksikan stok teknologi Asia serta dasar kewangan yang longgar memberi rangsangan kepada prestasi pasaran. Walau bagaimanapun, tahun itu terjejas oleh tunjuk perasaan di Hong Kong dan angka perdagangan global yang masih lemah telah menghalang pertumbuhan di pasaran-pasaran tertentu.

Di dalam negara, Indeks Shariah Emas FTSE Bursa Malaysia menyampaikan pulangan sebanyak 3.85% pada tahun 2019, mengatasi indeks KLCI FBM yang lebih luas yang jatuh sebanyak 6.0% pada tahun 2019, tetapi di bawah prestasi Indeks FBM Modal Kecil (FHM SMall Cap Index) yang menyampaikan pulangan tinggi sebanyak 25.4%. Bursa memulakan tahun ini secara optimistik dengan pemulihan global dan pengurangan ketegangan perdagangan. Selepas mencapai tahap yang tinggi pada bulan Jun, pasaran terus mencatatkan trend menurun pada separuh ke-dua tahun ini. Ia dijejaskan oleh sentimen negatif akibat pertumbuhan global yang lebih perlakan daripada yang dijangkakan yang mana sebahagiannya disebabkan oleh ketegangan perdagangan Amerika Syarikat-China sepanjang tahun 2019 sebelum mendapatkan kembali momentum pada bulan Disember. Memburukkan keadaan lagi, kami menyaksikan pendapatan korporat yang kurang memuaskan, aliran keluar dana asing dan berita bercampur mengenai politik dalam negeri yang semakin menghakis keyakinan pelabur di pasaran.

Ulasan dan Prospek Pelaburan (samb)

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2019

Pada tahun 2019, pasaran pendapatan tetap Malaysia disokong oleh faktor luaran dan domestik. Di luar negara, prospek pertumbuhan global telah terjejas oleh ketegangan perdagangan global dan pergolakan geopolitik. Sebagai pengiktirafan kepada cabaran terhadap pertumbuhan yang timbul daripada ketegangan perdagangan AS-China, pengalihan dasar monetari Rizab Persekutuan AS (daripada kenaikankadar polisi sebanyak 100 mata asas pada 2018 kepada potongan sebanyak 75 mata asas pada 2019) membawa kepada penurunan mendadak dalam hasil pendapatan tetap global (harga pendapatan tetap naik). Bank Pusat Eropah juga memperluaskan program pembelian asetnya, pada masa data inflasi yang lebih perlahan dan prospek pertumbuhan di zon Euro.

Pasaran pendapatan tetap Malaysia menjelaki kejatuhan hasil global, yang mengakibatkan prestasi pendapatan tetap yang kukuh. Bank Negara Malaysia menurunkan Kadar Dasar Semalam dan Keperluan Rizab Berkanun masing-masing sebanyak 25 mata asas dan 50 mata asas, memasukkan lebih kecairan ke dalam sistem kewangan Malaysia, jurus menurunkan pendapatan tetap negara. Kelembapan dalam pertumbuhan kredit di kedua-dua ruang runcit dan korporat juga menghalang penawaran Sukuk korporat, yang menyebabkan spread kredit yang lebih ketat dan harga Sukuk korporat yang lebih tinggi memandangkan permintaan melebihi penawaran.

Pasaran pendapatan tetap Malaysia menyaksikan aliran masuk modal pada 2019, disebabkan oleh kestabilan Ringgit yang luar biasa, lebihan akaun semasa dan disiplin fiskal mengekalkan penyertaan asing. Kekuatan tematik Dolar AS merosot ketika pelonggaran monetari AS, mengakibatkan pergolakan Ringgit yang rendah. Malaysia mengekalkan penarafan kredit berdaulat A3 apabila belanjawan fiskal kekal pada jalan penggabungan.

Tinjauan Pasaran Ekuiti 2020

Tinjauan pasaran adalah mencabar memandangkan cabaran ekonomi makro global, ancaman pandemik, dan ketidakpastian politik dalam negeri. Kami menjangkakan pasaran akan menghadapi ketidaktentuan dengan kelebihan kepada penurunan kerana pindaan penurunan bagi pendapatan ekonomi dan korporat global berikutan kawalan pergerakan yang luar biasa ini. Sebaliknya, kita menyaksikan tanda-tanda awal kes COVID-19 memuncak dan stabil di luar China akhir-akhir ini. Sebagai tambahan, bank pusat di seluruh dunia, dalam usaha yang sepudu, memulakan pemotongan kadar faedah dan rangsangan fiskal sambil memperkenalkan Pelonggaran Kuantitatif. Meskipun demikian, ia masih belum jelas bila permintaan agregat global akan kembali kepada tahap biasa sebelum pandemik. Di dalam negeri, kesukaran yang dihadapi adalah ketidakstabilan politik, penguncupan ekonomi dari kawalan pergerakan COVID-19, dan defisit fiskal yang meningkat. Ketidakstabilan politik mengakibatkan ketidakpastian terhadap hala tuju dasar dan makro. Penggunaan swasta tempatan berisiko mengalami penurunan yang mendadak semenjak kawalan pergerakan dikenakan. Malaysia sebagai pengeksport minyak dan gas bersih dijangka menyaksikan defisit fiskal yang lebih tinggi dalam kegamanan minyak semasa. Dari segi strategi, kami mengamalkan pendirian berwajaran rendah pada masa kini.

Ulasan dan Prospek Pelaburan (samb)


Tinjauan Pasaran Pendapatan Tetap 2020

Tinjauan pertumbuhan global telah terjejas dengan teruk oleh wabak COVID-19. Risiko pandemik yang berkembang akan memacu pasaran kewangan pada masa depan yang dijangka, terutamanya apabila jangkaan kemelesetan ekonomi global tidak lagi wajar. Pasaran pendapatan tetap global akan kekal disokong oleh pengembalian pelonggaran kuantitatif dari bank pusat di seluruh dunia, walaupun terdapat risiko peningkatan bekalan bon berdaulat di peringkat global, kerana kerajaan meminjam lebih banyak untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi sebagai penimbalan kelembapan ekonomi jangka pendek.


Sejakar dengan pertumbuhan global, Bank Negara Malaysia telah menurunkan prospek pertumbuhan Malaysia kepada julat di antara -2.0% dan 0.5% untuk tahun 2020. Selain daripada kejatuhan harga minyak, pakej rangsangan RM250 bilion Kerajaan Malaysia menimbulkan keimbangan mengenai belanjawan fiskal negara. Walau bagaimanapun, pendirian para agensi penarafan berdaulat adalah lebih longgar memandangkan sifat kemerosotan fiskal bukanlah khusus kepada Malaysia. Dari segi dasar monetari, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan Kadar Dasar Semalam dan Keperluan Rizab Berkanun sebanyak 0.50% dan 1.00% masing-masing dalam tempoh tiga bulan pertama tahun 2020, sementara memberi petanda bahawa terdapat ruang untuk pelonggaran sekiranya keadaan ekonomi merosot. Melangkah ke hadapan, pasaran pendapatan tetap Malaysia akan disokong oleh bank pusat yang akomodatif dan kecairan domestik yang mencukupi. Walau bagaimanapun, kedudukan portfolio memerlukan pendekatan yang berwaspada dan cedas untuk menangani keraguan pandemik dan ketidaktentuan yang meningkat.

PRESTASI DANA 2019


Dana i-Makmur



Dana i-Mekar



Dana i-Majmuk



PERBANDINGAN PRESTASI DANA

Dana i-Makmur

	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)
(I) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid	6,256,065	8.11%	6,055,890	11.45%	1,493,700	3.88%	1,441,230	4.70%	1,489,425	7.45%
Bahan Pembinaan/Pembangunan	22,138,735	28.73%	19,174,715	36.24%	4,078,340	10.59%	4,049,105	13.21%	5,501,005	27.51%
Perkhidmatan Kewangan	789,464	1.00%	696,088	1.32%	856,816	2.23%	6,353,116	20.73%	4,315,741	21.58%
Leburhraya	2,732,834	3.55%	2,622,958	4.96%	7,599,604	19.74%	—	—	—	—
Hartanah	—	—	1,002,460	1.89%	1,001,500	2.60%	—	—	—	—
Runcit	—	—	—	—	—	—	—	—	508,560	2.54%
Pertanian	—	—	—	—	—	—	—	—	500,100	2.50%
Tenaga	9,168,743	11.90%	3,872,802	7.32%	3,756,620	9.76%	—	—	—	—
Telekomunikasi	—	—	—	—	—	—	—	—	1,502,385	7.51%
Pegangan Pelaburan	—	—	904,977	1.71%	—	—	5,025,950	16.40%	—	—
Pengangkutan	1,352,424	1.76%	1,277,748	2.41%	5,257,760	13.66%	1,239,960	4.05%	1,199,988	6.00%
Utiliti	—	—	—	—	—	—	3,926,578	12.81%	4,058,000	20.29%
Motor	—	—	—	—	4,028,320	10.46%	987,870	3.26%	—	—
	42,418,265	55.05%	35,607,638	67.30%	28,072,660	72.92%	23,033,809	75.16%	19,075,204	95.40%
Aset berisiko rendah										
Terbitan Kerajaan	17,537,020	22.76%	—	—	7,138,670	18.54%	1,914,420	6.25%	—	—
Deposit dengan institusi kewangan Islam	15,600,000	20.25%	16,000,000	30.24%	3,000,000	7.79%	4,950,000	16.15%	900,000	4.50%
Tunai dan baki bank	439,518	0.57%	189,422	0.36%	149,713	0.39%	67,300	0.22%	47,385	0.24%
Lain-lain aset/(liabiliti)	1,066,241	1.37%	1,113,200	2.10%	140,047	0.36%	679,692	2.22%	(24,931)	-0.12%
Jumlah	77,051,044	100.00%	52,910,260	100.00%	38,501,090	100.00%	30,645,221	100.00%	19,997,658	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (samb)

Dana i-Makmur (samb)

	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)
(I) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	77,051,044	–	52,910,260	–	38,501,090	–	30,645,221	–	19,997,658	–
(II) Bilangan Unit	43,440,902	–	32,643,493	–	25,329,967	–	20,969,146	–	15,215,146	–
(IV) NAV setiap unit	1.774	–	1.621	–	1.520	–	1.461	–	1.314	–
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.767	–	1.621	–	1.520	–	1.461	–	1.327	–
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.589	–	1.508	–	1.453	–	1.314	–	1.246	–
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Perkembuhan modal	–	10.60%	–	5.37%	–	6.27%	–	8.65%	–	6.09%
(VIII) Jumlah pulangan (%) Satu tahun	–	10.57%	–	5.37%	–	6.27%	–	8.65%	–	6.09%
Tiga tahun	–	23.82%	–	21.67%	–	22.50%	–	20.66%	–	14.76%
Lima tahun	–	42.73%	–	35.12%	–	32.51%	–	33.87%	–	30.47%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – Deposit Mudharabah 12 Bulan (%)	–	2.94%	–	2.94%	–	2.94%	–	3.12%	–	3.21%
Satu tahun	–	9.08%	–	9.27%	–	9.56%	–	9.84%	–	9.93%
Tiga tahun	–	16.09%	–	16.39%	–	16.70%	–	17.00%	–	16.97%

Perbandingan Prestasi Dana (samb)

Dana i-Mekar

		2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2018 (RM)	2017 (%)	2017 (RM)	2016 (%)	2016 (RM)	2015 (%)	2015 (RM)
i) Komposisi dana mengikut sektor industri kategori pelaburan:												
Ekuiti patuh syariah												
Pertanian & Petambongan	15,570,797	9.10%	12,660,309	10.55%	3,257,020	3.49%	6,006,440	10.15%	3,213,700	8.19%		
Bahan Pembinaan/Pembangunan	983,255	0.55%	2,272,998	1.89%	1,490,335	1.60%	1,731,510	2.93%	—	—		
Konglomerat	5,412,117	3.16%	7,247,585	6.04%	2,980,236	3.19%	6,859,137	11.59%	1,191,518	3.04%		
Pembinaan	4,904,404	2.86%	3,031,554	2.53%	7,481,066	8.02%	4,411,081	7.45%	4,684,000	11.94%		
Perkhidmatan Kewangan	1,901,680	1.11%	1,753,300	1.46%	—	—	—	—	—	—		
Perkhidmatan 'IT'	—	—	736,274	0.61%	—	—	—	—	—	—		
Infrastruktur	5,688,792	3.32%	1,432,995	1.19%	—	—	—	—	—	—		
Motor	27,443,266	16.04%	18,276,721	15.23%	13,274,437	14.22%	7,155,620	12.09%	5,203,550	13.26%		
Minyak & Gas	5,420,500	3.17%	3,131,590	2.61%	792,858	0.85%	2,658,434	4.49%	1,316,000	3.35%		
Lain-lain	8,100,868	4.74%	1,567,500	1.31%	10,182,110	10.91%	3,733,091	6.31%	3,643,400	9.28%		
Lain-lain – Pembinaan	18,398,662	10.75%	12,103,490	10.09%	9,261,802	9.92%	6,188,524	10.46%	1,073,928	2.74%		
Hartanah	425,000	0.25%	—	—	6,903,658	7.40%	—	—	458,000	1.17%		
Teknologi	19,015,655	11.10%	9,844,184	8.20%	11,003,609	11.79%	4,780,569	8.08%	7,055,805	17.98%		
Telekomunikasi	867,024	0.51%	—	—	—	—	—	—	—	—		
Perdagangan & Peruncitan	8,606,479	5.03%	2,827,400	2.36%	—	—	—	—	—	—		
Transport	24,904,433	14.55%	13,981,620	11.65%	10,157,525	10.88%	5,091,570	8.60%	1,988,000	5.09%		
Utiliti	147,602,932	86.24%	99,683,746	83.07%	80,251,616	85.98%	48,615,976	82.15%	31,899,301	81.29%		
Depositi dengan institusi kewangan Islam	22,600,000	13.20%	22,900,000	19.08%	15,600,000	16.72%	11,900,000	20.11%	8,170,000	20.82%		
Tunai dan baki bank	424,590	0.25%	485,389	0.40%	338,298	0.36%	85,237	0.14%	41,898	0.11%		
Lain-lain asset/(liabiliti)	545,311	0.31%	(3,073,118)	-2.55%	(2,865,257)	-3.06%	(1,414,545)	-2.40%	(865,300)	-2.22%		
Jumlah	171,172,833	100.00%	119,986,016	100.00%	93,324,657	100.00%	59,186,668	100.00%	39,245,899	100.00%		

Perbandingan Prestasi Dana (samb)

Dana i-Mekar (samb)

	2019 (RM) (%)	2019 (%)	2018 (RM) (%)	2018 (%)	2017 (RM) (%)	2017 (%)	2016 (RM) (%)	2016 (%)	2015 (RM) (%)	2015 (%)
(I) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	171,172,833	-119,996,016	-	93,324,657	-	59,186,668	-	39,245,899	-	-
(II) Bilangan Unit	111,736,538	-82,486,914	-	57,005,278	-	40,932,991	-	27,222,102	-	-
(IV) NAV setiap unit	1.532	-	1.455	-	1.637	-	1.446	-	1.442	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.579	-	1.689	-	1.637	-	1.476	-	1.442	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.433	-	1.407	-	1.446	-	1.392	-	1.309	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Perkembuhan modal	-	5.89%	-	-11.19%	-	14.27%	-	-1.11%	-	6.20%
(VIII) Jumlah pulangan (%) Satu tahun	-	5.89%	-	-11.19%	-	14.27%	-	-1.11%	-	6.20%
Tiga tahun	-	7.45%	-	0.35%	-	20.00%	-	-0.63%	-	28.83%
Lima tahun	-	12.84%	-	0.84%	-	45.57%	-	43.59%	-	44.19%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – Deposit Mudharabah 12 Bulan (%)	-	3.85%	-	-13.52%	-	10.72%	-	-6.14%	-	2.35%
Satu tahun	-	-0.55%	-	-10.13%	-	6.36%	-	-7.95%	-	11.11%
Tiga tahun	-	-4.47%	-	-11.85%	-	15.47%	-	16.64%	-	27.27%

Perbandingan Prestasi Dana (samb)

Dana i-Majimuk

	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2018 (RM)	2017 (%)	2017 (RM)	2016 (%)	2016 (RM)	2015 (%)	2015 (RM)
(I) Komposisi dana mengikut sektor industri kategori pelaburan:											
Ekuiti patuh syariah											
Pertanian & Petembongan	2,857,400	4.48%	2,107,700	4.31%	905,400	2.33%	493,000	1.86%	972,350	5.22%	-
Bahan Pembinaan	395,250	0.62%	410,550	0.84%	625,348	1.61%	694,067	2.62%	-	-	-
Konglomerat	1,478,200	2.31%	1,233,250	2.52%	1,164,189	3.00%	2,148,875	8.12%	332,747	2.11%	-
Pembinaan	882,789	1.37%	2,340,730	4.79%	1,749,933	4.51%	847,884	3.20%	1,823,800	9.79%	-
Perkhidmatan Kewangan	939,000	1.47%	386,000	0.73%	-	-	-	-	-	-	-
Perkhidmatan 'IT'	-	-	173,250	0.35%	-	-	-	-	-	-	-
Motor	2,008,200	3.15%	2,653,000	5.42%	-	-	-	-	-	-	-
Minyak & Gas	6,549,575	10.27%	5,908,896	12.08%	2,692,796	6.94%	1,367,740	5.17%	2,024,500	10.86%	-
Lain-lain	1,486,900	2.33%	1,130,400	2.31%	1,555,660	4.01%	-	-	736,700	4.06%	-
Lain-lain – Pembuatan	1,550,876	2.43%	-	-	2,689,987	6.93%	1,352,379	5.11%	1,894,500	10.16%	-
Hartanah	2,272,300	3.56%	1,684,150	3.44%	3,885,641	9.94%	1,901,601	7.19%	633,074	3.40%	-
Teknologi	253,300	0.40%	225,000	0.46%	2,861,100	7.37%	464,920	1.76%	227,500	1.22%	-
Telekomunikasi	4,204,962	6.60%	3,438,450	7.03%	4,276,124	11.02%	1,457,183	5.51%	3,290,286	17.65%	-
Perdagangan & Peruncitan	-	-	245,700	0.50%	-	-	-	-	-	-	-
Pengangkutan	668,000	1.05%	804,000	1.64%	-	-	-	-	843,300	4.52%	-
Utiliti	7,028,300	11.01%	4,591,000	9.39%	3,952,985	10.19%	2,066,929	7.81%	865,800	4.65%	-
	32,575,052	51.05%	27,302,076	55.81%	26,329,163	67.87%	12,794,578	48.36%	13,724,557	73.64%	-
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid											
Lebihraya	-	-	2,110,640	4.32%	2,105,660	5.43%	2,085,900	7.88%	-	-	-
Utiliti	-	-	-	-	-	-	1,974,060	7.46%	-	-	-
Hartanah	1,030,690	1.62%	1,000,270	2.04%	994,790	2.56%	984,520	3.76%	-	-	-
Kewangan	2,670,450	4.19%	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Motor	-	-	-	-	1,007,080	2.60%	987,870	3.77%	-	-	-
	3,701,140	5.81%	3,110,910	6.37%	4,107,530	10.59%	6,052,350	22.87%	-	-	-
Aset berisiko rendah											
Lain-lain	13,062,500	20.47%	1,021,550	2.09%	1,021,550	2.63%	1,017,050	3.84%	-	-	-
Deposit dengan institusi kewangan Islam	14,600,000	22.88%	19,600,000	40.06%	8,200,000	21.14%	6,850,000	25.89%	5,060,000	27.15%	-
Tunai dan baki bank	90,619	0.14%	238,213	0.49%	124,182	0.32%	90,609	0.34%	31,252	0.17%	-
Lain-lain asset/(liabiliti)	(223,012)	-0.36%	(2,352,211)	-4.81%	(986,486)	-2.54%	(346,014)	-1.31%	(177,459)	-0.95%	-
Jumlah	63,806,299	100.00%	48,920,538	100.00%	38,795,940	100.00%	26,458,573	100.00%	18,638,350	100.00%	-

Perbandingan Prestasi Dana (samb)

Dana i-Majimuk (samb)

	2019 (RM)	2019 (%)	2018 (RM)	2018 (%)	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)
(I) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	63,806,299	–	48,920,538	–	38,795,940	–	26,458,573	–	18,638,350	–
(II) Bilangan Unit	43,454,023	–	35,373,529	–	26,874,550	–	20,510,812	–	14,271,398	–
(IV) NAV setiap unit	1,468	–	1,383	–	1,444	–	1,290	–	1,306	–
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,494	–	1,478	–	1,444	–	1,309	–	1,306	–
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,369	–	1,355	–	1,290	–	1,257	–	1,195	–
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Perkembuhan modal	–	6.83%	–	-4.38%	–	11.98%	–	-1.00%	–	6.83%
VIII) Jumlah pulangan (%) Satu tahun	–	6.83%	–	-4.38%	–	11.98%	–	-1.00%	–	6.83%
Tiga tahun	–	14.39%	–	6.00%	–	18.42%	–	-0.16%	–	21.97%
Lima tahun	–	20.97%	–	6.91%	–	35.21%	–	31.22%	–	30.16%
IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – Deposit Mudharabah 12 Bulan (%)	–	3.40%	–	-5.29%	–	6.83%	–	-1.51%	–	2.78%
Satu tahun	–	4.26%	–	-0.43%	–	7.96%	–	0.95%	–	10.52%
Tiga tahun	–	5.81%	–	2.27%	–	16.08%	–	16.82%	–	22.12%

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, Shahrul Azlan Bin Shahriman dan Jasveen Kaur Marne, menyatakan bahawa, pada pendapat Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), maklumat kewangan mengiringi Dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk yang dibentangkan pada mukasurat 22 hingga 51 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

Shahrul Azlan Bin Shahriman

Jasveen Kaur Marne

Kuala Lumpur, Malaysia

16 April 2020

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang-pemegang unit dana-dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, Kami, Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz dan Dr. Mohamad Sabri Zakaria, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Shariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektifnya dikenali sebagai "Dana-dana") berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad ("Pengurus"), telah memenuhi tanggungjawab mereka dalam cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019.

Pada pendapat kami, bagi tempoh dibawah tinjauan:

- a. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- b. Dana i-Mekar dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- c. Dana i-Majmuk dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad; dan
- d. Pendapatan yang diperolehi dari aset-aset yang dilaburkan atau cara-cara yang tidak mematuhi prinsip Syariah telah dilupuskan melalui kerja-kerja kebajikan.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah.

Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz

Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria

Kuala Lumpur, Malaysia
16 April 2020

LAPORAN JURUAUDIT LUAR

kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektif dikenali sebagai “Dana-dana”), yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2019, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting , seperti yang dinyatakan pada mukasurat 22 hingga 51.

Pada pendapat kami, penyata kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Dana-dana pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan bagi tahun berakhir tersebut selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut didalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

Penekanan perkara

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.1 kepada maklumat kewangan Dana-dana, yang menjelaskan dasar perakaunan. Maklumat kewangan Dana-dana disediakan untuk membantu Dana-dana dalam mematuhi Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan Dana-dana mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami adalah bertujuan semata-mata untuk pemegang unit Dana-dana, sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada Dana-dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Dana-dana selaras dengan undang-undang kecil (*on Professional Ethics, Conduct and Practice*) Institut Akauntan Malaysia (“*Undang-undang kecil*”) dan “*International Ethics Standards Board for Accountants’ Code of Ethics for Professional Accountants*” (“*Kod IESBA*”), dan kami telah memenuhi semua tanggungjawab etika kami mengikut undang-undang kecil tersebut dan Kod IESBA.

Laporan Juruaudit Luar (samb) kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Maklumat selain daripada Maklumat Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Para Pengarah Pengurus adalah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan, Objektif-objektif Dana, Ulasan dan Tinjauan Pelaburan, Prestasi Dana-dana bagi tahun 2019 dan Perbandingan Prestasi Dana-dana, tetapi tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras dengan ketara dengan maklumat kewangan Dana-dana atau pengetahuan yang kami perolehi ketika menjalankan audit, ataupun, tersalah nyata yang material.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami mendapati bahawa ada maklumat lain yang mempunyai perbezaan yang material, kami dikehendaki untuk melaporkannya. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan ini.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Pengurus Mengenai Maklumat Kewangan

Para Pengarah Pengurus (“Pengarah”) bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang sewajarnya bagi memastikan penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan Dana-dana, Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk meneruskan operasi, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan keupayaan Dana-dana untuk meneruskan operasi dan menggunakan dasar perakaunan operasi berterusan, melainkan jika Pengarah mempunyai hasrat untuk mencairkan Dana-dana atau berhenti beroperasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain untuk berbuat demikian.

Laporan Juruaudit Luar (samb)

kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada maklumat kewangan Dana-dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap kepastian yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara jika ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan maklumat kewangan ini.

Kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kami juga::

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam maklumat kewangan Dana-dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, menyediakan dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang berhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, maklumat yang sengaja ditinggalkan, gambaran yang salah, atau melanggar prosedur-prosedur kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan dan anggaran perakaunan yang digunakan dan juga menilai nota-nota kepada maklumat kewangan yang dibuat oleh Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian dasar perakaunan tentang operasi berterusan yang digunakan oleh Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian material yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar mengenai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian kepada nota-nota kepada maklumat kewangan Dana-dana didalam laporan Juruaudit kami, atau, jika nota-nota berkenaan tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Dana-dana untuk berhenti beroperasi.

**Laporan Juruaudit Luar (samb)
kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)**

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan (samb)

Kami berkomunikasi dengan pengarah mengenai, antara lain, skop audit yang dirancang, jangkamasa audit dan penemuan audit penting, termasuk kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

Ernst & Young

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF: 0039
Akauntan-akauntan Bertauliah

Yeo Beng Yean

No. 03013/10/2020 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
16 April 2020

PENYATA-PENYATA ASET DAN LIABILITI

pada 31 Disember 2019

	Nota	2019			2018		
		Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Aset							
Pelaburan	3	75,555,285	170,202,932	63,938,692	51,607,638	122,583,746	51,034,636
Cukai belum terima		—	—	—	—	562,618	—
Aset cukai tertunda	4	—	—	—	—	120,980	102,109
Lain-lain pengutang	6	4,015,076	5,338,307	4,664,661	2,430,217	1,290,297	1,134,239
Tunai dan baki bank		439,518	424,590	90,619	189,422	485,389	238,213
Jumlah aset		80,009,879	175,965,829	68,693,972	54,227,277	125,043,030	52,509,197
Liabiliti							
Peruntukan bagi cukai	9	517,767	290,030	133,481	192,817	—	84,961
Liabiliti cukai tertunda	4	62,585	86,695	53,045	25,868	—	—
Lain-lain pembiutang	7	2,378,483	4,416,271	4,701,147	1,098,332	5,047,014	3,503,698
Jumlah liabiliti		2,958,835	4,792,996	4,887,673	1,317,017	5,047,014	3,588,659
Nilai aset bersih dana ("NAV")		77,051,044	171,172,833	63,806,299	52,910,260	119,996,016	48,920,538
Diwakili oleh:							
Modal pemegang-pemegang unit		63,633,359	168,801,939	58,345,032	45,567,344	124,792,712	46,921,038
Keuntungan terkumpul		13,417,685	2,370,894	5,461,267	7,342,916	(4,796,696)	1,999,500
Akaun pemegang-pemegang unit	5	77,051,044	171,172,833	63,806,299	52,910,260	119,996,016	48,920,538
Unit dalam edaran	5	43,440,902	111,736,538	43,454,023	32,643,493	82,486,914	35,373,529
NAV setiap unit	5	1.774	1.532	1.468	1.621	1.455	1.383

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019

	Nota	2019			2018		
		Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Pendapatan pelaburan bersih:							
Keuntungan daripada akaun pelaburan patuh Syariah		210,653	803,017	592,143	229,303	661,071	405,473
Keuntungan daripada sekuriti hutang korporat patuh Syariah		1,640,017	—	138,781	1,370,891	—	172,740
Keuntungan daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia		966,647	—	192,049	491,907	—	44,139
Pendapatan dividen		—	3,726,647	884,530	—	2,735,517	910,541
Perbelanjaan pelaburan		(5,096)	(607,820)	(181,389)	(6,749)	(729,044)	(270,038)
		2,812,221	3,921,844	1,626,114	2,085,352	2,667,544	1,262,855
Keuntungan bersih atas pelupusan pelaburan		3,658,540	3,396,890	917,103	537,576	—	1,239,251
Keuntungan bersih modal tidak direalisasi		458,957	2,595,932	1,939,427	142,134	—	—
Lain-lain pendapatan		1,323	13,740	5,154	414	743	599
Jumlah pendapatan		6,931,041	9,928,406	4,487,798	2,765,476	2,668,287	2,502,705
Kerugian atas pelupusan pelaburan		—	—	—	—	(5,474,581)	—
Kerugian bersih pelaburan tidak direalisasi		—	—	—	—	(8,942,971)	(3,935,080)
Caj pengurusan aset		(303,854)	(2,091,778)	(692,506)	(213,163)	(1,490,992)	(530,129)
Lain-lain perbelanjaan	8	(3,203)	(7,598)	(3,153)	(272,599)	(974,734)	(304,142)
Jumlah perbelanjaan		(307,057)	(2,099,376)	(695,659)	(485,762)	(16,883,278)	(4,769,351)
Lebihan pendapatan atas perbelanjaan/ (lebihan perbelanjaan atas pendapatan) sebelum cukai							
Cukai	9	6,623,984	7,829,030	3,792,139	2,279,714	(14,214,991)	(2,266,646)
